

# Kajian Keperluan Pendekatan Portal Haluan Siswa(PHS) untuk Pelajar Tahun Pertama di FSKSM, UTM

Sarina Sulaiman<sup>1</sup>, Karen Ramanair<sup>2</sup>, Nor Anita Fairros Ismail<sup>3</sup>  
Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat,  
Universiti Teknologi Malaysia,  
81310 Skudai, Johor

sarina@fsksm.utm.my<sup>1</sup>, karen@hotmail.com<sup>2</sup>, anita@fsksm.utm.my<sup>3</sup>

**Abstrak:** Setiap pelajar lepasan Matrikulasi dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia(STPM) mendambarkan ke menara gading untuk menggapai apa yang dicita-citakan. Pelbagai alternatif dilakukan untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan sesebuah universiti yang ingin dipohon. Kertas kerja ini akan membincangkan hasil dapatan kajian yang dilakukan ke atas 59 orang pelajar daripada salah sebuah fakulti di universiti yang telah dipilih sebagai lokasi kajian kes iaitu Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat(FSKSM), Universiti Teknologi Malaysia(UTM). Borang soal selidik telah diedarkan kepada para pelajar tahun pertama di universiti tersebut dan data telah dianalisa menggunakan metod statistik deskriptif. Berdasarkan kajian yang dilakukan didapati bahawa para pelajar baru yang telah melalui permohonan kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi(IPT) melalui Unit Pusat Universiti(UPU) dan telah diterima masuk ke fakulti tersebut didapati bahawa mereka harus mencari maklumat daripada laman web yang berbeza untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang sesebuah universiti yang hendak dipohon atau setelah memasuki tahun pertama di UTM. Kebanyakan pelajar berpendapat bahawa medium yang paling banyak digunakan untuk mencari maklumat adalah Internet, diikuti oleh bahan bacaan (prospektus, suratkhbar, majalah dan sebagainya) atau bertanya tentang universiti kepada saudara-mara atau rakan-rakan yang sedang menuntut di IPT. Dapatan kajian yang dilakukan didapati masalah yang timbul apabila mereka melayari sesebuah laman web IPT ialah maklumat dalam laman web tersebut terlalu umum dan menunjukkan bahawa kemudahan yang disediakan oleh pihak universiti kurang fokus kepada golongan pelajar baru. Keadaan ini menyebabkan mereka terkeliru dan agak sukar untuk mencari maklumat yang spesifik dan diperlukan dengan cepat dan tepat. Dengan ini didapati cadangan untuk menggunakan pendekatan portal dengan membangunkan Portal Haluan Siswa (PHS) akan dapat membantu memudahkan pelajar baru untuk mendapatkan maklumat tentang sesebuah universiti agar mereka dapat membuat persediaan awal dan memahami kehidupan kampus dengan cara yang lebih efektif.

**Kata kunci:** Matrikulasi, STPM, Portal Haluan Siswa, UPU, IPT.

## 1. Pengenalan

Haluan siswa (*student orientation*) melibatkan pelajar-pelajar baru di universiti dan merangkumi segala maklumat yang berkaitan dengan universiti yang patut diketahui oleh pelajar-pelajar baru sebelum mahupun setelah berdaftar di universiti.

Maklumat-maklumat ini adalah seperti peraturan akademik, lokasi-lokasi penting di kampus, kemudahan yang disediakan dan sebagainya. Maklumat ini penting untuk memastikan para pelajar baru dapat menyesuaikan diri dengan lebih mudah terhadap kehidupan di kampus. Mereka perlu mengetahui maklumat yang sewajarnya bagi membiasakan diri dari suasana persekolahan ke alam universiti [1].

Antara aktiviti utama untuk para pelajar baru iaitu Minggu Haluan Siswa (MHS) yang menjadi amalan pada minggu pertama kemasukan pelajar ke IPT. Bagi menghadapi MHS ini, pelajar baru dikehendaki untuk membuat pelbagai persediaan bagi memastikan kelancaran semasa sesi pendaftaran akademik, kediaman dan kesihatan.

Selain itu, MHS berperanan untuk membantu pelajar-pelajar baru sebagai persediaan menjadi sebahagian daripada masyarakat universiti [2]. Selanjutnya, MHS lebih menekankan aspek-aspek pembelajaran, keperluan peribadi dan sosial yang perlu dihadapi oleh golongan pelajar baru dalam persekitaran yang baru bagi diri mereka. Dengan ini, pelajar-pelajar baru juga dapat belajar membuat keputusan yang betul dan sesuai dalam tempoh pembelajaran mereka di universiti. Perkara ini sangat penting untuk memastikan kejayaan pelajar di universiti. Ini merupakan matlamat MHS yang memegang konsep 'Fikir-Pilih-Hidup-Belajar' (*Think-Choose-Live-Learn*) [3]. Selain itu, MHS juga dijalankan bagi

menyambut kedatangan pelajar baru dengan penuh kemesraan agar mereka tertarik dengan kehidupan di kampus yang boleh mencetus semangat, motivasi, dan daya saing bagi mencapai kecemerlangan akademik serta kehidupan yang harmoni [4].

Di dalam kertas kerja ini membincangkan tentang objektif kajian yang dilakukan, hasil kajian yang diperolehi, perbincangan hasil kajian dan kesimpulan.

## **2. Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui keperluan pendekatan Portal Haluan Siswa (PHS) kepada pelajar-pelajar baru di FSKSM, UTM khususnya dan IPT umumnya. Dengan ini, objektif yang telah digariskan iaitu:

1. Melihat kepentingan maklumat tentang universiti yang dikehendaki pelajar-pelajar baru.
2. Melihat keberkesanan MHS kepada pelajar-pelajar baru.

## **3. Alatan Kajian**


Kajian ini telah dilakukan dalam bentuk borang soal selidik yang diedarkan kepada 59 orang pelajar baru di Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat (FSKSM), UTM. Borang soal selidik ini dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu maklumat latarbelakang responden, maklumat tentang universiti dan maklumat tentang MHS. Hasil yang diperolehi daripada borang soal selidik dianalisis menggunakan program Microsoft Excel 2003.

## **4. Hasil Kajian**

Daripada kajian yang dilakukan didapati kebanyakan pelajar baru mempunyai keinginan untuk mencari maklumat tentang IPT terlebih dahulu sebelum mendaftar, mahupun setelah mendaftar sebagai pelajar baru. Medium yang paling banyak digunakan adalah Internet iaitu melayari laman web IPT tersebut, selebihnya merujuk kepada bahan-bahan bacaan tentang universiti dan diikuti bertanya kepada saudara-mara atau rakan-rakan lain yang sedang menuntut di IPT.


### **1) Kajian Keperluan Maklumat tentang IPT**

Berdasarkan kajian yang dilakukan, masalah yang timbul apabila mereka melayari laman web IPT ialah maklumat yang diperolehi daripada laman web tersebut terlalu umum dan tidak menjurus kepada pelajar-pelajar baru (13 responden). Dengan ini, mereka mudah terkeliru dan sukar untuk mencari maklumat yang diperlukan. Kedua tertinggi iaitu 2 responden menyatakan maklumat yang diberikan kurang menarik. Rajah 1 menunjukkan masalah yang dihadapi oleh pelajar ketika melayari laman web IPT.



Rajah 1. Graf palang menunjukkan masalah ketika melayari laman web IPT

Seterusnya, daripada kajian juga menunjukkan bahawa pelajar-pelajar baru selalunya mengutamakan pencarian maklumat seperti yang ditunjukkan mengikut keutamaan dalam Rajah 2.



Rajah 2. Graf palang menunjukkan keutamaan dalam mencari maklumat

Berikut merupakan senarai maklumat tersebut mengikut keutamaan:


- a. Lokasi-lokasi dalam kampus
- b. Cara hidup pelajar di kampus
- c. Kediaman pelajar (asrama)

- d. Kemudahan yang disediakan dalam kampus
- e. Peraturan akademik
- f. Biasiswa/bantuan kewangan
- g. Persatuan-persatuan pelajar
- h. Minggu Haluan Siswa
- i. Falsafah, visi, misi dan cogankata
- j. Sejarah universiti

Disamping itu terdapat juga pelajar baru yang mencari maklumat yang lain termasuklah:

- a. Maklumat universiti iaitu maklumat fakulti, maklumat pensyarah, senarai kursus yang ditawarkan, yuran pengajian dan kedudukan (*ranking*) universiti.
- b. Maklumat akademik iaitu teknik pembelajaran, sistem perpindahan kredit mata pelajaran dan pemilihan major.
- c. Perkara umum iaitu jenis makanan di kampus, jarak universiti dari bandar, keselamatan di kampus dan warga universiti.


Melalui kajian yang dilakukan didapati para pelajar baru bersetuju bahawa maklumat-maklumat ini dapat memberi manfaat kepada mereka melalui pelbagai cara. Rajah 3 menunjukkan jenis-jenis manfaat tersebut.



Rajah 3. Graf palang menunjukkan manfaat maklumat-maklumat tentang IPT bagi pelajar baru

Seramai 52 orang responden bersetuju dengan manfaat yang diperolehi dari maklumat-maklumat IPT iaitu dapat menyenangkan proses penyesuaian diri di kampus. Manakala seramai 14 orang responden menyatakan bahawa senang untuk mereka mencari lokasi-lokasi di kampus. Manfaat-manfaat yang lain iaitu menyenangkan pemahaman pelajar baru tentang kampus dan pelajar baru dapat belajar dengan baik.

Kajian juga menunjukkan kebanyakan pelajar baru kurang memahami sistem akademik di universiti. Keadaan ini dapat di atasi jika terdapat sumber yang berupaya untuk menjelaskan sistem akademik universiti kepada pelajar-pelajar baru walaupun sebelum mereka mendaftarkan diri. Di samping itu, mereka kurang arif tentang kemudahan di universiti dan diikuti dengan pernah sesat atau hilang arah tuju di kampus. Masalah ini ditunjukkan dalam Rajah 4 berkaitan dengan masalah pelajar baru di IPT.




Rajah 4. Graf palang menunjukkan masalah pelajar baru di IPT

Daripada keseluruhan kajian keperluan maklumat tentang IPT didapati seramai 24 orang responden menghadapi masalah kurang memahami sistem akademik universiti. Diikuti dengan (23 responden) tidak mengetahui kemudahan yang disediakan di universiti. Oleh yang demikian menunjukkan maklumat terdahulu tentang sesebuah IPT itu akan dapat dimanfaatkan oleh para pelajar baru dari segi persediaan diri secara mental dan emosi. Maklumat-maklumat seperti lokasi dalam kampus, cara hidup pelajar, kediaman di universiti, peraturan akademik dan lain-lain lagi yang akan dapat membantu pelajar baru dalam memahami sistem yang terdapat di IPT. Maklumat-maklumat ini seharusnya disediakan melalui suatu medium yang mudah dan cepat dari segi capaiannya oleh para pelajar baru.

## 2) Kajian Keperluan Maklumat tentang Minggu Haluan Siswa (MHS)


Daripada kajian yang telah dilakukan didapati kebanyakan pelajar baru menerima surat tawaran mereka kurang dari seminggu sebelum tarikh pendaftaran. Keadaan ini menyebabkan mereka sukar untuk membuat persediaan MHS sehingga ada yang tidak sempat untuk membuat persediaan yang rapi (37 responden). Ini adalah kerana sebilangan besar pelajar baru hanya mendapat maklumat tentang persediaan yang diperlukan melalui surat tawaran yang mereka perolehi.

Selain itu, terdapat juga pelajar baru yang merujuk kepada laman web universiti untuk mengetahui persediaan untuk MHS, akan tetapi masalah yang berlaku maklumat tersebut tidak mencukupi atau tidak menepati maklumat yang mereka ingini. Ini disebabkan maklumat tersebut terlalu umum dan disiarkan terlalu lewat. Sepatutnya, maklumat tentang persediaan MHS disertakan di dalam laman web IPT seiring dengan pengumuman tawaran kemasukan ke IPT. Rajah 5 menunjukkan persediaan untuk MHS oleh para pelajar baru.



Rajah 5. Graf palang menunjukkan persediaan untuk MHS

Pelajar-pelajar baru sememangnya bersetuju bahawa maklumat awal tentang MHS wajar diketahui terlebih dahulu. Antaranya dengan menyediakan laman yang khas untuk pelajar baru (23 responden) yang ditunjukkan dalam Rajah 6. Dengan ini dapat membantu mereka supaya kurang mengalami ketegangan (*stress*) sebelum MHS, tidak bergegas dalam membuat persediaan dan dapat berjimat dari segi kos, contohnya dalam aspek pengangkutan iaitu pembelian tiket bas atau kapal terbang. Kedua tertinggi iaitu 9 responden bersetuju pihak universiti perlu mengenakan bayaran untuk perkhidmatan pos laju. Ini bertujuan untuk memastikan surat tawaran akan sampai lebih awal lagi.



Rajah 6. Graf palang menunjukkan penyelesaian bagi mendapatkan maklumat tentang MHS

Di samping membuat persediaan, maklumat awal tentang aktiviti-aktiviti dalam MHS juga berupaya untuk meningkatkan pemahaman pelajar baru tentang MHS. Di antara aktiviti-aktiviti MHS yang ingin diketahui oleh pelajar baru mengikut keutamaannya adalah seperti berikut:

- a. Pendaftaran pelajar
- b. Aktiviti kolej, sukan dan kebudayaan, mengindahkan kolej kediaman, dan taklimat pengetua kolej kediaman

- c. Taklimat fakulti dan pendaftaran kursus
- d. Taklimat PTPTN dan MARA
- e. Amanat NC
- f. Majlis bersama TNC (HEP dan alumni)
- g. Ceramah sistem akademik universiti (*Campus Survival*)
- h. Taklimat Majlis Perwakilan Mahasiswa (MPM), PALAPES dan pameran
- i. Bicara tokoh
- j. Bicara siswi
- k. Larian MHS, karnival sukan dan malam bakat.

Rumusan daripada kajian keperluan maklumat tentang MHS iaitu disebabkan oleh pelajar baru akan menghadapi MHS pada minggu pertama selepas mereka mendaftar di universiti dengan tujuan untuk membiasakan para pelajar dengan keadaan dan lokasi-lokasi tertentu di dalam kampus. Namun begitu, terdapat banyak persediaan yang mesti dilakukan oleh para pelajar sebelum mendaftar dan mengambil bahagian dalam MHS di kampus. Oleh itu, mereka berhak untuk mengetahui dengan lebih lanjut persediaan yang diperlukan sekurang-kurangnya sebulan sebelum pendaftaran bermula. Ini bertujuan untuk memastikan mereka tidak terlalu mengharap maklumat yang diperolehi dari surat tawaran yang diterima agak lambat dari pihak IPT.

Pada masa yang sama sekiranya mereka dapat mengetahui lebih awal tentang aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan sewaktu MHS, ini dapat memastikan para pelajar baru dapat memahami dengan lebih mendalam tentang aktiviti semasa yang dijalankan dalam MHS. Oleh yang demikian, jelas menunjukkan medium yang bersesuaian harus digunakan untuk memastikan pengumuman tentang persediaan yang terlibat semasa menjalani MHS di IPT dapat diketahui oleh mereka walaupun sebelum keputusan UPU diumumkan.

## 5. Perbincangan

Berdasarkan keseluruhan kajian didapati antara masalah yang dihadapi oleh para pelajar baru iaitu maklumat dalam laman web agak umum. Pelajar-pelajar baru yang memerlukan maklumat tentang sesebuah IPT selalunya terkeliru dan kadang mereka tidak mendapat jawapan yang dikehendaki selepas carian di buat melalui sesebuah laman web IPT. Ini disebabkan oleh kandungan maklumat terlalu umum dan tidak memberi tumpuan kepada golongan atau kumpulan pelajar baru. Seterusnya, para pelajar juga tidak mengetahui maklumat IPT terutamanya yang berkaitan dengan sistem akademik universiti, lokasi-lokasi di universiti dan juga kemudahan-kemudahan yang disediakan di sesebuah universiti.

Selain itu, pelajar juga banyak berurusan dengan pihak HEP ini disebabkan oleh pihak HEP merupakan bahagian penting yang akan menguruskan kemasukan para pelajar baru dan terlibat secara langsung dengan MHS. Oleh itu, pengumuman dari pihak HEP adalah sangat penting kepada para pelajar baru. Para pelajar baru juga ingin mengenali persatuan yang ada di IPT. Ini kerana persatuan-persatuan ini dapat memainkan peranan untuk membantu pelajar-pelajar baru dalam menyesuaikan diri di universiti di samping menjadikan pengajian mereka lebih menyeronokkan di universiti.

Akhirnya para pelajar baru perlu membuat persediaan untuk MHS. Ini adalah penting untuk memastikan mereka dapat mengetahui apa persediaan yang perlu dilakukan lebih awal. Walau bagaimanapun kesan dari kelewatan surat yang diterima menyukarkan mereka untuk membuat persediaan yang sepatutnya.

Oleh itu, setelah memperolehi hasil dari penganalisaan masalah yang telah dibincangkan sebelum ini, cadangan pembangunan sebuah portal yang khusus untuk pelajar-pelajar baru iaitu Portal Haluan Siswa sebagai alternatif penyelesaian masalah yang dihadapi oleh mereka harus dibangunkan. Berikut merupakan cadangan-cadangan yang dikenalpasti berupaya membantu dalam penyelesaian masalah-masalah tersebut iaitu:

1. Modul pendaftaran pengguna  
Portal ini menyediakan modul pendaftaran dan kata laluan bagi pengguna iaitu pihak-pihak yang terlibat seperti HEP dan persatuan universiti yang berperanan untuk membina laman web haluan siswa universiti mereka di dalam portal ini dan juga dari pihak pentadbir portal. Maklumat ini akan disimpan dalam pangkalan data. Pengguna umum dan pelajar dibenarkan untuk melihat paparan maklumat sahaja. Sekiranya mereka ingin berinteraksi di dalam portal dengan pihak tertentu, mereka perlu mendaftar dahulu.

2. Laman haluan siswa IPT dalam sebuah portal  
Setiap universiti digalakkan untuk membina laman web haluan siswa mereka dan disenaraikan dalam portal ini. Ini akan memudahkan pelajar-pelajar baru untuk melayari laman-laman tersebut kerana semuanya terkandung dalam portal.
3. Kandungan laman haluan siswa IPT  
Sesebuah IPT harus menyediakan maklumat yang sepatutnya dalam laman haluan siswa mereka. Maklumat-maklumat ini sudah ditetapkan jenisnya. Oleh itu, mereka hanya perlu memasukkan maklumat tersebut. Ini bertujuan untuk membentuk laman-laman haluan siswa IPT yang tidak mengelirukan pelajar-pelajar baru. Maklumat ini dapat dimanipulasi oleh pihak universiti yang mempunyai ID pengguna dan kata laluan yang dibenarkan sahaja.
4. Berinteraksi dengan pihak-pihak tertentu  
Pihak-pihak yang tertentu ini merangkumi pihak HEP dan persatuan-persatuan universiti. Pelajar-pelajar atau pengguna umum yang berdaftar sahaja mampu berbuat demikian. Ini dilakukan dengan menggunakan ruangan forum yang disediakan di dalam portal bagi memudahkan komunikasi di antara pelajar dan pihak universiti.
5. Persediaan MHS  
MHS adalah penting untuk pelajar-pelajar baru dan ia memerlukan mereka untuk membuat pelbagai persediaan. Maklumat tentang MHS dapat diperoleh dalam portal ini bagi IPT yang berlainan bagi membantu mereka menyediakan diri untuk menghadapi MHS dan alam universiti.

## 6. Kesimpulan

Dewasa ini, setiap individu sibuk mengejar maklumat kerana maklumat penting dalam masyarakat global yang semakin bersaing untuk mendapatkan pengetahuan. Di samping itu, teknologi maklumat dan komunikasi semakin berkembang yang memudahkan perhubungan antara penduduk yang berada di mana sahaja tanpa mengira lokasi asalkan mereka mempunyai kemudahan Internet. Kemudahan ini telah berupaya untuk menghapuskan jurang dari segi perhubungan dan telekomunikasi dan khususnya capaian maklumat. Tambahan pula ia menjimatkan kos dan masa, dan mudah digunakan oleh semua orang yang menggunakan perkhidmatan atas talian. Oleh sebab itu, sebuah portal diperlukan agar dijadikan pusat rujukan atau platform untuk pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran mereka ke IPT.

Ini penting supaya mereka dapat menjangka keadaan yang akan ditempuhi di alam universiti. Di samping itu, berdasarkan maklumat yang diperolehi dari PHS, mereka akan belajar sedikit sebanyak tentang sesebuah universiti sebelum mengharungi alam kampus yang sebenarnya. Pelajar-pelajar baru yang telah mendaftar juga boleh mendapatkan maklumat-maklumat yang penting tentang sesebuah universiti antaranya berita, pengumuman, dan lain-lain maklumat dari PHS. Melalui PHS ini para pelajar mempunyai peluang untuk berhubung secara langsung dengan pihak universiti melalui ruangan forum.

Akhirnya, PHS ini diharapkan dapat memainkan peranan yang penting dalam kehidupan setiap pelajar yang merancang untuk meneruskan pelajaran ke menara gading mahupun yang telah mendaftar sebagai pelajar baru. PHS diharapkan dapat membekalkan setiap maklumat yang diperlukan oleh pelajar baru tentang sesebuah universiti agar mereka dapat membuat persediaan yang lengkap sebelum ke universiti, selain mengalami kehidupan kampus dengan lancar dan kondusif. Seterusnya PHS yang dicadangkan akan dapat membantu mereka sentiasa bermotivasi dan berasa tidak sabar-sabar untuk memulakan perjalanan dalam pembelajaran mereka di universiti setelah memperolehi maklumat yang mencukupi bagi membantu mereka di sepanjang pengajian mereka di IPT.

### Rujukan

- [1] **URL:** Le Moyne College, Academic Information for First Year Students. Sedia ada di : [http://www.lemoyne.edu/orientation/first\\_year](http://www.lemoyne.edu/orientation/first_year).
- [2] **URL:** University of Minnesota. Sedia ada di: <http://www.ofyp.umn.edu/>.
- [3] **URL:** New Student Orientation @ A&M – Commerce, Purpose of Orientation. Sedia ada di : <http://synergy.tamu-commerce.edu/orientation/purpose.htm>
- [4] **URL:** Monash University, Orientation Week. Sedia ada di: <http://www.monash.edu.orientation>.
- [5] **URL:** Universiti Teknologi Malaysia. Sedia ada di: <http://www.utm.my>.